

'Jeneral' umpan cinta

Metro 24/5/12 M.J.H.

Warga emas rugi RM5j labur dalam perniagaan dijalankan lelaki mengaku pegawai tentera dari Amerika

>>Oleh Na'imah Mohamed

naimah@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: "Tak sanggup lihat ibu ditipu lagi," kata seorang lelaki mengenai ibunya yang terjebak dengan sindiket penipuan Afrika sehingga kerugian lebih RM5 juta dan kehilangan pelbagai harta benda.

Lelaki dikenali sebagai Zam, 30, berkata, dia membuat laporan polis mengenai perkara itu pada September tahun lalu dan sangat bersyukur selepas mendapat tahu kejayaan polis menahan 16 individu dipercayai anggota sindiket Afrika yang terbabit menipu ibunya, tiga hari lalu.

"Saya mula mengesyaki sikap ibu yang berubah sejak dua tahun lalu selepas berkenalan dengan seorang lelaki kononnya pegawai tentera berpangkat 'jeneral' dari Amerika Syarikat yang pernah bertugas di Iraq melalui laman sembang di Internet.

"Ibu sering mengeluarkan wang simpanannya dalam jumlah yang banyak dengan



FOTO | Zulfadhli Zulkiffi

RAMPAS...Izany (tengah) menunjukkan barangan yang dirampas daripada sindiket.

Mangsa sanggup jual banglo RM3.5j

CHERAS: Demi cinta siber, seorang warga emas sanggup menjual banglo bernilai RM3.5 juta serta menyerahkan wang tunai RM1.5 juta kononnya untuk tujuan pelaburan sehingga mengalami kerugian lebih RM5 juta selepas diperdaya satu sindiket penipuan warga Nigeria sejak dua tahun lalu.

Wanita berusia 63 tahun itu tertipu dengan sindiket yang menyamar pegawai tentera berpangkat jeneral berasal dari Amerika Syarikat yang berjanji mengahwininya melalui perbualan secara online sejak berkenalan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Izany Abdul Ghani berkata, mangsa dipercayai membuat ratusan transaksi ke lima akaun barangan milik suspek

"Dalam tangkapan terbabit polis merampas 13 kad mesin juruwang automatik (ATM), 14 komputer riba, 20 telefon bimbit, 11 buku akaun pelbagai bank, buku cek dan pelbagai dokumen perniagaan yang dipercayai digunakan untuk mengaburi pihak berkuasa.

"Kami percaya semua suspek warga asing terbabit masuk ke Malaysia menggunakan pas pelajar. Mereka direman sehingga Jumaat ini (esok) manakala wanita tempatan itu direman sehingga esok (hari ini)," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, di sini, semalam.

Beliau yang menyifatkan tangkapan itu sebagai tangkapan terbesar tahun ini oleh JSJK Cheras tidak menolak kemungkinan terdapat mangsa lain

alasan mahu melabur dalam perniagaan dijalankan pegawai tentera terbabit.

“Menyedari kewujudan sindiket penipuan warga Afrika yang berleluasa di Malaysia ketika itu, saya cuba menasihati ibu berkali-kali, namun dia tetap mempercayai lelaki terbabit,” katanya, semalam.

Zam berkata, dia turut terkejut selepas mendapat tahu ibunya menjual rumah miliknya bernilai RM3.5 juta hanya kerana mahu melabur dalam perniagaan teman lelaki sibernya itu.

Sehubungan itu, katanya, dia memeriksa semua kandungan e-mel serta data penggunaan telefon bimbit milik ibunya

Fakta

Polis menahan 16 individu dipercayai anggota sindiket Afrika yang terbabit menipu mangsa, tiga hari lalu

sebelum menjumpai beberapa perbualan yang mencurigakan antara ibunya dengan lelaki terbabit.

Dia turut menemui beberapa resit transaksi pemindahan wang dalam jumlah besar dilakukan ibunya.

“Saya bercakap dengan le-

laki terbabit melalui telefon dan mendapati bahasa yang digunakan bukan bahasa Inggeris yang betul, dari situ saya mendesak ibu supaya menghentikan perbuatannya menghantar wang kepada lelaki terbabit.

“Selama dua tahun saya menanti untuk mengesan sindiket terbabit dan Isnin lalu, ibu saya membuat transaksi pemindahan wang RM50,000 di sebuah bank dan saya memaklumkan perkara itu kepada polis sehingga tertangkapnya seorang wanita dipercayai keldai akaun sindiket terbabit,” katanya.

Menurut Zam, dia berharap

ibunya segera sedar yang dirinya menjadi mangsa penipuan sindiket Afrika terbabit dengan penangkapan 16 individu itu.

Semalam, polis mengadakan sidang media mengumumkan berhubung kejayaan menumpaskan sindiket itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, di sini.

Pada sidang media itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Izzah Abdul Ghani memberitahu, polis menerima laporan anak mangsa September tahun lalu, tetapi warga emas berusia 63 tahun itu masih

menolak menyerahkan akaun berbeza milik suspek (wanita tempatan) sejak 2010.

Bukan itu saja, mangsa turut menjual banglo bernilai RM3.5 juta miliknya di Bangsar untuk dilaburkan dalam perniagaan teman lelaki sibernya itu.

mempercayai teman lelaki sibernya itu sehingga tertangkapnya 15 lelaki Nigeria bersama seorang wanita warga tempatan dipercayai bertindak sebagai keldai akaun, Isnin lalu dan kelmarin.

Bertindak atas maklumat yang diberikan anak lelaki mangsa, katanya, JSJK Cheras membuat tangkapan per-

terdapat mangsa lain berikutan sindiket berkenaan dipercayai bergiat aktif sejak lebih dua tahun lalu.

“Kami akan siasat perkara ini lebih lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan (KK),” katanya.

tama iaitu wanita tempatan berusia 52 tahun di kawasan Subang Jaya, dekat sini, pada hari yang sama sebelum beberapa tangkapan lain dibuat di sekitar Kuala Lumpur, Subang Jaya dan Kota Damansara keesokan harinya.

Izany berkata, semua 15 suspek warga Nigeria itu berusia 25 hingga 30 tahun.